NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#07

9 Feb 2024 – 15 Feb 2024



PENULIS NEXUS

KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/**isu-semasa**

ISI KANDUNGAN

RCI Platform Rakyat Tahu Kebenaran 2
Kembalikan Peranan GLC yang Sebenar 5
Harga Tempahan Hotel Naik 30 Peratus? 7
Kenaikan Harga Beras: Utamakan Nasib Petani 9
Harimau Mengganas di Chemor 11

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

- **Pulau Batu Puteh** atau Pedra Branca, dalam bahasa Portugis merupakan pulau kecil berkeluasan 8,560 meter persegi, terletak 7.7 batu nautika dari tanah besar Malaysia dan 25.5 batu nautika dari Singapura. Malaysia dan Singapura semenjak tahun 1980 lagi mendakwa hak pemilikan masing-masing ke atas pulau ini.
- Pertikaian hak pulau ini telah bermula semenjak 14 Februari 1980, apabila Singapura membantah **peta sempadan maritim** Malaysia yang diterbitkan pada tahun sebelumnya, yang menunjukkan Batu Puteh milik Malaysia.
- Beberapa siri pertukaran nota dan perbincangan antara kerajaan berlaku pada 1993-1994 sehingga keputusan tercapai untuk merujuk perkara ini kepada **Mahkamah Keadilan Antarabangsa** (ICJ).
- Akhirnya isu perebutan Pulau Batu Putih antara Malaysia dengan Singapura diputuskan oleh ICJ pada 2008, selepas pendengaran diadakan selama tiga minggu pada November 2007. Singapura diberi hak ke atas Pulau Batu Puteh ini. Namun bagi Pulau Batuan Tengah (Middle Rocks) diberikan hak kepada Malaysia dan Pulau Batuan Tubir Selatan (South Ledge) belum dibuat keputusan.



Sumber: Kosmo

- Akibat daripada keputusan ICJ ini, terdapat **pertindihan sempadan maritim** di antara kedua-dua negara. Di pihak Malaysia, kehilangan pulau ini memberi impak kepada punca rezeki buat sebahagian nelayan Malaysia. Manakala pemilikan Pulau ini memberi peluang Singapura untuk menebus guna/menambak tanah di sekitar pulau tersebut untuk tujuan kebaikan negaranya.
- Kehilangan Pulau Batu Puteh ini sebenarnya bukanlah hanya kehilangan sebuah pulau itu sahaja, malahan dia akan turut memberi kesan kepada pemilikan Tubir Selatan, pulau batuan yang terletak kira-kira empat kilometer dari Batu Puteh. ICJ telah menetapkan pemilikan Tubir Selatan ini ditentukan mengikut persempadanan perairan negara yang menguasainya.
- Berdasarkan situasi inilah, Peguam Negara pada ketika itu telah mengemukakan rayuan kepada ICJ pada Februari 2017 susulan penemuan tiga bukti baru oleh kerajaan Malaysia pada 2016. Namun pada 2018, kerajaan ketika itu telah menarik balik permohonan semakan itu sebelum kes itu dijadual didengar pada 11 Jun 2018 di ICJ.
- Penarikan ini menjadi tanda tanya dan kekecewaan rakyat yang merasakan bahawa keputusan pada 2008 akan menjadi sebaliknya jika rayuan dibuat. Naib Presiden UMNO sebagai contoh telah mendesak agar penubuhan pasukan khas kes Pulau Batu Puteh untuk mendapatkan penjelasan perkara sebenar yang menjadi punca kerajaan Pakatan Harapan (PH) menarik balik semakan ke atas penghakiman kes berkenaan di ICJ.
- Akhirnya keputusan kerajaan pada Oktober 2021 diteruskan dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim baru-baru ini untuk menubuhkan RCI. Perkenan Seri Paduka Baginda untuk melantik bekas Ketua Hakim Negara Tun Md Raus Sharif sebagai Pengerusi dan bekas Hakim Mahkamah Persekutuan Tan Sri Zainun Ali sebagai Timbalan Pengerusi serta turut dibantu oleh pengamal undang-undang, ahli akademik dan pegawai kerajaan.

- Penubuhan RCI amat dinantikan oleh semua agar ia dapat menoktahkan tanda tanya rakyat berkenaan isu Pulau Batu Puteh ini. Namun, kerajaan hari perlu juga bergerak ke arah penubuhan RCI kepada beberapa isu besar. Rakyat mahu isu seperti LCS diletakkan dibawah RCI. Ia bagi menjamin agar rakyat mendapat cerita sebenar hasil daripada siasatan dan keputusannya tidak akan dipertikaikan kerana rakyat menjunjung titah Diraja.

RUJUKAN

- https://www.kln.gov.my/pbp-icj/index.php?option=com_content&view=article&id=20:background&catid=25:background&Itemid=27
- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/batu-puteh-4-perkara-setiap-warga-malaysia-perlu-tahu-101942?
- https://www.sinarharian.com.my/article/166134/berita/nasional/ph-harus-tanggungjawab-kehilangan-pulau-batu-puteh
- https://malaysiagazette.com/2022/10/15/kenapa-bekas-menteri-ph-hilang-ingatan-mengenai-pulau-batu-puteh-asyraf/

Kembalikan Peranan GLC yang Sebenar

- Kerajaan perlu menilai kembali sejauh mana syarikat berkaitan kerajaan (GLC) telah mencapai **objektif penubuhan** dan sumbangannya kepada rakyat secara matang dan bijaksana.
- Hal ini amat penting bagi mengelakkan GLC dimanipulasikan oleh pihak tertentu untuk mengaut keuntungan melampau, termasuk memenuhi agenda politik yang bertentangan dengan objektif penubuhan GLC itu sendiri.
- Kenyataan Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi yang mengatakan GLC 'biawak hidup' akan ditutup akibat kegagalan mengaut keuntungan telah menimbulkan persoalan.
- Kenyataan yang dipetik oleh MalaysiaKini ini menimbulkan pertanyaan, bagaimanakah perkara sebegini boleh dibiarkan begitu lama sehingga membarah tanpa ada tindakan serius daripada kerajaan. Kegagalan kerajaan untuk bertindak memperbaiki akhirnya akan merugikan rakyat jika GLC ini terpaksa ditutup.
- **Peranan utama** GLC ialah membantu kerajaan memastikan kestabilan industri dan pasaran, terutamanya ketika berhadapan dengan ketidaktentuan ekonomi atau krisis. Ia juga berperanan membuat pelaburan strategik dalam sektor dan industri kritikal, yang akhirnya telah membuka banyak peluang pekerjaan untuk rakyat. Keuntungan daripada pelaburan dapat dikongsi oleh rakyat melalui dividen dan tanggungjawab sosial (CSR) seperti tawaran pembiayaan pelajaran.
- Namun, banyak GLC menanggung kerugian akibat kelemahan tadbir urus dan kelompongan dalam perundangan. Tindakan untuk menambah baik pengurusan GLC ini perlu dibuat seperti lantikan ahli lembaga perlu dibuat berdasarkan merit tanpa ‘memilih bulu’ kepada individu tertentu. Oleh sebab

itu, pertimbangan sedalam-dalamnya untuk menutup GLC perlu dilakukan supaya solusi baru nanti tidak lagi mengulang kerugian yang lalu.


- Antara GLC yang perlu dinilai semula adalah syarikat yang melibatkan **kepentingan Bumiputera**. Satu kajian khas perlu dilakukan terhadap prestasi syarikat, seterusnya langkah-langkah penambahbaikan perlu diatur bagi meningkatkan kapasiti dan daya saing syarikat.
- Perkara ini pernah disuarakan oleh Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob, Pengerusi MIDA suatu masa dahulu bahawa kerajaan mesti menilai semula fungsi dan peranan GLC negara. Sekiranya terdapat sebarang kelemahan, ia perlu diselesaikan demi mencapai objektif utama GLC.
- Sebenarnya, GLC berperanan besar untuk memenuhi keperluan rakyat dalam perkara-perkara yang tidak mampu disediakan oleh kerajaan. Pelbagai langkah penyelesaian ini perlu dilakukan secara tersusun kerana tidak sedikit GLC negara mempunyai kedudukan strategik dalam pasaran dan potensi besar untuk dimajukan, daripada terus mengambil langkah drastik dengan menutup syarikat-syarikat tersebut.

RUJUKAN

- https://www.malaysiakini.com/news/695383
- https://www.nst.com.my/news/nation/2019/03/468771/study-role-glcs-detail-says-mier

Harga Tempahan Hotel Naik 30 Peratus?

- Kerajaan mengumumkan untuk **menaikkan kadar cukai** Jualan dan Perkhidmatan (SST) kepada 8 peratus bermula 1 Mac 2024 ketimbang 6 peratus pada kadar semasa. Pengumuman ini dibuat oleh Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar bin Ibrahim dalam pembentangan **Belanjawan 2024** pada 13 Oktober tahun lalu sebagai tenggang reformasi percukaian negara bagi meningkatkan kadar hasil yang boleh dipungut oleh kerajaan.



Sumber: BBCPortal.my

- Meskipun cadangan ini mendapat pelbagai respon negatif wakil-wakil rakyat, Anwar mengatakan kadar tersebut adalah relevan selain cukai dipungut kerajaan adalah antara yang **terendah** di ASEAN pada 11.8 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ketimbang Singapura 12.6 peratus dan Thailand 16.4 peratus.

- Susulan cadangan ini, timbul pelbagai desas desus bahawa pelbagai sektor akan mula terkesan dan terpaksa menaikkan kadar harga jualan masing-masing bagi membendung kenaikan kos cukai yang bakal dikenakan.

- Terbaru, Presiden Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Datin Christina Toh, telah menyuarakan kebimbangan harga penginapan hotel negara dijangka meningkat pada kadar 10 peratus ke 30 peratus susulan pelaksanaan SST 8 peratus. Tambah beliau, pengusaha-pengusaha hotel dilihat tidak mempunyai banyak pilihan lain berdepan isu ini selain menaikkan harga selari dengan kenaikan kos yang mereka terpaksa tanggung.

- Perkembangan ini sudah pasti sesuatu yang tidak menyenangkan semua pihak terutama pengusaha-pengusaha hotel yang kini giat berusaha memujuk rakyat tempatan melancong dan menginap di hotel-hotel dalam negara. **Industri pelancongan** negara boleh dikatakan baharu pulih selepas hampir 'bungkus' akibat pelaksanaan Perintah Kawalan dan Pergerakan (PKP) semasa pandemik Covid-19.
- Justeru, sebarang kenaikan kos baharu melibatkan industri ini dijangka boleh mengganggu operasi perhotelan tempatan selain mampu membuat industri pelancongan negara terus mandom.
- Kini, industri tempatan berhadapan pelbagai kenaikan kos rantaian bekalan berkaitan selain cabaran pesaing negara jiran, Thailand yang mampu menawarkan kos melancong dan menginap yang jauh lebih rendah berbanding dalam negara.
- Berdasarkan masalah sistem percukaian sedia ada, kerajaan seharusnya lebih dengar cakap dan menimbangkan cadangan mengembalikan **Cukai Barang dan Perkhidmatan** (GST) yang telah terbukti lebih cekap dan adil selain mampu mengelak daripada ekonomi bayangan serta ketidakpatuhan cukai.
- Malaysia telah melaksanakan SST sejak 1972, namun saban tahun negara hilang kira-kira RM20 bilion sehingga RM30 bilion setahun akibat 'black economy' (aktiviti ekonomi yang tidak direkod dan tidak membayar cukai kepada kerajaan) sekaligus menjejaskan hasil cukai.

RUJUKAN

- https://www.sinarharian.com.my/article/649239/suara-sinar/analisis-sinar/industri-pelancongan-tempatan-berisiko-lumpuh-perlahan-lahan
- https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/02/1211592/sukar-kutip-sst-mungkin-faktor-kadar-naik-ke-lapan-peratus-pakar
- https://www.hmetro.com.my/bisnes/2023/10/1023274/perkenal-semula-gst-lebih-cekap-berbanding-sst-ismail-sabri

Kenaikan Harga Beras: Utamakan Nasib Petani

- Janji Perdana Menteri akhir September lalu bahawa **harga beras tempatan** tidak akan dinaikkan nampaknya tidak menjadi realiti. Ini berikutan kerajaan mengumumkan akan memperkenalkan Beras Putih Malaysia Madani dengan pertambahan harga sebanyak 15.4% daripada harga pasaran sebelum ini.
- Dalam pengumuman terbaru, kerajaan menetapkan harga bagi sekampit beras 10kg adalah RM30 berbanding harga sebelum ini dengan harga kawalan RM26 bagi 10kg. Harga yang dicadangkan ini akan berkuat kuasa 19 Februari dan dijangka berada di pasaran bermula 1 Mac.
- Pengerusi Task Force (Kluster Makanan) Majlis Tindakan Kos Sara Hidup (NACCOL) Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, tiada lagi kategori Beras Putih Tempatan (SST) dan Beras Putih Import (SSI) melainkan **Beras Putih Malaysia Madani** sebagai kategori tunggal.
- Beliau turut memaklumkan bahawa dalam tempoh tersebut, kerajaan memberi masa kepada pemain industri beras untuk membuat penyelarasan dengan membenarkan semua jenis pembungkusan lama dijual sehingga stok pengampitan di pemborong habis.
- Harga Beras Putih Malaysia Madani bagi per kampit beras 5kg pula ditetapkan pada harga RM15.50 (pertambahan 19.2%) manakala kampit 1kg pada harga RM3.50 (pertambahan 34.6%).
- Penetapan harga siling Beras Putih Malaysia Madani itu dikatakan berperanan sebagai mekanisme untuk menghentikan tindakan memanipulasi atau membungkus semula beras putih tempatan kepada jenama yang lebih mahal.
- Pengarah Urusan Mydin, Datuk Ameer Ali Mydin menyambut baik pengenalan Beras Putih Malaysia Madani oleh kerajaan memandangkan ia akan menaikkan margin keuntungan dan memudahkan beras diperoleh pasaran tempatan.

- Walau bagaimanapun, orang ramai mempersoalkan kenaikan harga barang yang mendadak disebabkan peningkatan kadar Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) baru-baru ini, kini sekali lagi harga beras ditingkatkan.
- Ada juga yang mempersoalkan jaminan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan bahawa Malaysia tidak mengalami **masalah bekalan** beras tempatan, jadi mengapa kaedah ini diperlukan?
- Alasan yang diberikan oleh kerajaan atas kenaikan harga beras ini adalah untuk memberi manfaat kepada petani memandangkan selama 18 tahun **harga beras tidak naik** dan membolehkan petani lebih selesa dengan harga siling baharu harus disokong. Namun, timbul kekhuatiran langkah ini hanya "menggemukkan" kartel berbanding pesawah.
- Maka, satu pertimbangan yang memanfaatkan semua pihak mestilah diambil kerajaan dalam meningkatkan had siling beras kerana peningkatan ini juga memungkinkan kerajaan didesak untuk peningkatan harga barangan lain.
- Kerajaan juga harus memastikan setiap rantaian pengeluaran beras terutamanya pesawah mendapat manfaat besar hasil daripada kenaikan harga beras ini dan bukannya 'orang tengah'.

RUJUKAN

- https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1060778/kerajaan-perkenal-beras-putih-malaysia-madani-pada-harga-rm30
- https://www.sinarharian.com.my/article/649632/berita/nasional/beras-madani-harga-munasabah-pastikan-ada-bekalan---mydin
- https://www.sinarharian.com.my/article/649631/berita/nasional/beras-madani-penetapan-harga-rm30-dapat-bantu-pesawah
  https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pm-jamin-harga-beras-tempatan-tidak-naik-438127

Harimau Mengganas di Chemor

- Mimpi ngeri yang menghantui penduduk Kampung Ulu Kuang, Chemor akhirnya mereda apabila Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) berjaya menangkap seekor **harimau yang berkeliaran** di kawasan kampung tersebut.



Sumber: Bernama

- Harimau yang diberi nama 'Yop Kuang' itu seberat 156 kg dan berusia sekitar 6 tahun ditangkap pada Sabtu lalu. Yop Kuang didapati sihat dan dipercayai merupakan sebahagian daripada populasi harimau yang terdapat di **Hutan Simpan Bukit Kinta**, sejauh 2.4 km dari lokasi tangkapan. Harimau terbabit kemudian dibawa ke Pusat Penyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC), Sungkai untuk tindakan lanjut.
- Namun kelegaan penduduk kampung tidak bertahan lama apabila terdapat seekor harimau lagi yang didapati berkeliaran setelah dilihat oleh penduduk kampung dan terdapat kesan tapak kaki ditemui di kawasan kebun. Menurut Pengarah PERHILITAN, berat harimau kali ini dianggarkan 120 kg.
- Antara punca harimau Malaya menceroboh ke kawasan petempatan manusia dan menyerang haiwan ternakan adalah kerana populasi salah satu mangsa

utama harimau iaitu **rusa Sambar** semakin menurun. Hal ini disebabkan rusa Sambar terdedah kepada aktiviti pemburuan haram dan pemusnahan habitat semula jadi.

- Tambahan pula, kawasan rayau Orang Asli berdekatan dengan Hutan Simpan Bukit Kinta dimusnahkan untuk memberi laluan kepada **projek tanaman durian** Musang King. Ini mendorong bukan sahaja Orang Asli di situ kehilangan khazanah nenek moyang mereka malah hidupan liar turut kehilangan sumber makanan.
- Banyak pihak perlu dilibatkan untuk mencari **titik tengah** dalam konflik ini. Kerajaan Negeri perlu berunding dengan para pemaju untuk memastikan apa-apa projek yang meneroka kawasan hutan dijalankan berdasarkan piawaian yang ketat. Jabatan Kemajuan Orang Asli pula perlu proaktif untuk melindungi hal ehwal kebajikan masyarakat orang asli.

RUJUKAN

- https://thesun.my/cerita/berita/seekor-lagi-harimau-belang-dilihat-di-kampung-ulu-kuang-perhilitan-GK12094828
- https://x.com/climateaidil/status/1756666939609584075?s=20
- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1073197/demi-projek-musang-king-orang-asli-sungai-sinju-diusir-dari-kampung



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**isu-semasa**

© **Hak Cipta Terpelihara**